

02 JUN 1999

MAHATHIR-BON

TAHNIAH DARI JEPUN KERANA MALAYSIA BERJAYA TERBIT BON

Oleh: Khairdzir Yunus

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Jepun telah memberi ucapan tahniah kepada Malaysia kerana kejayaannya mengumpul AS\$1 bilion dari pelancaran Bon Global 10 tahun Malaysia minggu lepas.

Naib Menteri Kewangan bagi Hal Ehwal Antarabangsa Jepun Eisuke Sakakibara hari ini berkata beliau mengucap tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaan itu.

"Saya rasa ia adalah sukar tetapi berjaya dilakukan. Tiada siapa menyangka Malaysia kembali ke pasaran swasta enam bulan lalu, tetapi ia kembali dengan jayanya," katanya kepada pemberita selepas menemui Dr Mahathir di sini.

Beliau berkata Jepun juga bangga mempertahankan dasar kawalan modal berpilih yang diterima pakai oleh Malaysia.

"Dasar-dasar yang telah diambil oleh Dr Mahathir, terutamanya kawalan modal (yang) dikecam hebat oleh masyarakat antarabangsa pada masa itu, tetapi dasar itu terbukti berjaya," katanya.

Sakakibara berkata beliau teguh mempertahankan dasar Malaysia kerana beliau percaya dalam kes-kes darurat, tindakan seumpama itu adalah wajar.

Beliau berkata kerajaan Jepun juga mempertahankan Malaysia kerana mengambil dasar itu.

"Kami gembira kami betul dan Malaysia betul," katanya.

Dr Mahathir berkata minggu lepas bahawa sambutan luar dugaan berdasarkan kepada lebih langganan 300 peratus terhadap terbitan bon Malaysia sebanyak AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) itu mencerminkan keyakinan pelaburan yang bertambah terhadap ekonomi Malaysia. -- BERNAMA

KHY JR